

PAHLAWAN TANAH AIR

AHMED ORABI

“Pahlawan Tanah Air” suatu halaman baharu di dalam majalah ini yang akan diisikan riwayat perjuangan pemimpin-pemimpin dari segenap pelusuk dunia yang telah berjuang kerana bangsa, agama dan tanah airnya.

Pada kali ini kita pilihkan riwayat perjuangan “Ahmed Orabi” pelopor kemerdekaan Mesir yang terkenal. Perjuangan Arabi yang cemerlang telah dilanjutkan oleh Mustafā Kamil (bukan Mustafā Kamāl) lalu disambung oleh Sa‘ad Zaghlūl dan akhirnya Jeneral Muḥamad Najīb dan rakan-rakannya.

Riwayat “Ahmed Orabi” ini telah ditulis dengan panjang lebar oleh Tuan ‘Abdul Raḥman al-Rāfi‘ī ahli sejarah Mesir yang terkenal. Tulisannya itu kita melayukan dan siarkan dalam halaman ini bersambung-sambung. - pengarang.

(Oleh ‘Abdul Raḥman al-Rāfi‘ī)



Ahmed Orabi

Kita sekarang berada dalam pertengahan kurun yang kesembilan belas. Pada zaman itu Sa‘īd Pasha telah naik menjadi *khedive* (raja) Mesir dari tahun 1851 hingga 1863. *Khedive* Sa‘īd terkenal dengan sikapnya cenderung membaiki taraf hidup anak negeri dan membebaskan mereka dari kezaliman yang sedang mereka menanggungnya serta memberi galakkan seupaya dapat menyandang jawatan-jawatan tinggi dalam tentera dan urusan-urusan pentadbiran yang kebanyakannya sedang dibolot oleh orang-orang Turki dan Sharkusi.

Pada zaman itu Ahmed Orabi mulai terkenal ketika

ia dilantik pada tahun 1858 menjadi lantikan dalam angkatan tentera Mesir. Oleh itu, siapa dia Ahmed Orabi yang telah meningkat menjadi panglima tertinggi yang terakhir pada tahun 1881 telah dipilih oleh tentera bahkan oleh rakyat Mesir menjadi pemimpin mereka?

Ahmed Orabi telah dizahirkan pada 31 Mac 1841 di Hreyya Razna sebuah kampung yang terletak berhampiran dengan Pekan Zagazia. Ayahnya menjadi penghulu kampung, berasal dari satu keluarga Arab yang telah bermastautin di kampung itu semenjak moyangnya dahulu. Apabila Ahmed

Orabi telah cerdik sekira-kira boleh bersekolah maka ayahnya telah menyediakan seorang guru engajarnya menulis, membaca dan menghitung. Pada tahun 1849 ayahnya opula memasukkan dia belajar di Azhar, dan tinggallah ia belajar di situ sampailah empat tahun. Dalam masa yang tersebut ia telah hafiz Quran dan mendalami pengetahuannya dalam Bahasa Arab, Fekah dan Tafsir.

Ia telah balik ke kampungnya, sebelum menamatkan pelajarannya, lalu masuk menjadi tentera pada 6 Disember 1854 sebagai seorang askar biasa kerana menunaikan kehendak raja Mesir yang telah mengeluarkan perintah mengarah anak-anak penghulu dan krtua-ketua kampung menjadi tentera.

Pada tahun 1858 ia telah dinaikkan pangkatnya menjadi lantikan dalam masa ia berumur tujuh belas tahun, kemudian naik ke pangkat kapten pada tahun 1859. Dan naik menjadi mejar pada tahun itu juga. Pada tahun 1860 ia telah dinaikkan lagi menjadi lantikan kolonel lalu berangkat bersama-sama dengan *khedive* Mesir menziarah Madinah al-Munawarah menjadi setiausaha sulitnya,

Lawatan ke tanah suci pada kali ini telah meninggalkan kesan yang besar di dalam dirinya, kerana ia telah terasa timbang rasa *khedive* kepada petani-petani Mesir (*falāhīn*).

Setelah itu *khedive* Mesir mengeluarkan perintah mengecilkan angkatan tentera. Sejumlah besar askar-askar dan pegawai-pegawai tentera telah diberhentikan, di antaranya ialah Ahmed Orabi. Tetapi sebelum *khedive* mangkat, tentera Mesir telah dibesarkan semula dan mana-mana bekas tentera dan pegawai-pegawai lama telah diambil balik memegang jawatan masing-masing, dan balikkah Ahmed Orabi kepada jawatannya.

Daripada yang disebutkan itu jelaslah bahawa dalam riwayat hidup Ahmed Orabi seperenggan itu tidak ada suatu perkara yang menarik perhatian, bahkan boleh dibilangkan dia suatu peringkat hidup biasa bagi seorang biasa. Tidak ada suatu kelebihanannya sepanjang masa itu yang boleh disebut ia seorang pahlawan tidak pula dia telah

mengharungi medan-medan perang. Pangkat-pangkat disandang itu adalah semuanya telah dicapai dalam masa ini, kerana raja Mesir telah berkenan membanyakkan pegawai-pegawai tentera. Tetapi ini tidaklah terhitung suatu kecacatan dalam riwayat hidup Ahmed Orabi dan tidak ada pula sesuatu yang boleh menghalangnya daripada mengambil bahagian yang sangat-sangat penting dalam perjuangan tanah air, baik dalam segi politik atau pun dalam gerakan kebangsaan.

Bila dan bagaimana timbul anjuran kebangsaan?

Setelah dikaji riwayat hidup Arabi, akan jelas kelihatan kepada kita bahawa anjuran kebangsaan telah mulai hidup dalam zaman *khedive* Sa'ūd Pasha. Ia telah mendengar *khedive* Sa'ūd berucap dalam suatu majlis keramaian yang dihadiri oleh alim ulama', keluarga diraja, pembesar-pembesar negeri, dan pegawai tinggi tentera.

Ujarnya antara lain-lain: "Tuan-tuan saya telah mengkaji perihal dan sejarah umat Mesir saya dapati mereka teraniyai dan diperhamba oleh lain-lain bangsa di dunia ini yang telah memperkosa mereka silih berganti.

"Oleh kerana saya memandang diri saya seorang anak Mesir maka wajiblah atas saya mendidik anak-anak bangsa saya sehingga mereka layak berkhidmat kepada tanah air sehingga mereka tidak akan bergantung kepada orang-orang asing lagi. Saya telah berazam hendak melahirkan buah fikiran ini dari lapangan fikiran ke lapangan amalan."

Tatkala mengulas ucapan raja Mesir itu, Ahmed Orabi berkata: Setelah *khedive* Sa'ūd Pasha memberi ucapannya keluarlah orang-orang jemputan yang terdiri daripada keluarga diraja dan pembesar-pembesar negeri dengan marah dan terpinga-pinga mendengarnya, sedang orang-orang Mesir sendiri telah keluar dengan riang gembira,

Arabi menambah kata, bahawa ia menyifatkan ucapan itu ialah batu yang pertama pada asas "Mesir bagi orang

Mesir”.

Setelah *khedive* Isma‘il naik berkuasa, kaum “Sharkusi” telah terbalik semula membolot jawatan-jawatan tinggi dalam tentera. Kejadian itu menyebabkan Ahmed Orabi tidak berpuas hati lalu berterus terang menuntut hak pegawai-pegawai tentera yang terdiri daripada anak-anak bangsanya.

Suatu kejadian telah berlaku bagi Ahmed Orabi dalam zaman permulaan pemerintahan *khedive* Isma‘il yang telah meninggalkan kesan yang besar dalam mengarahkan fikirannya dan faham kebangsaan yang dianjurkannya, kejadian ini berpunca daripada suatu perbalahan yang berbangkit di antaranya dengan Jeneral Kharū Pasha dari kaum Sharkusi. Yang terakhir Orabi telah dibawa ke hadapan majlis tentera dan telah dihukum penjara dua puluh satu hari. Tetapi ia telah dibebaskan dari hukuman itu setelah ia meminta ulang bicara kepada majlis tertinggi tentera.

Keputusan ini pula telah menyebabkan perselisihan di antara Menteri Perang- Isma‘il Salīm Pasha- dengan ketua majlis tertinggi tentera, kerana menteri itu menyokong hukuman penjara yang telah dijatuhkan dahulu, lalu dia membawa perkara itu kepada *khedive* Isma‘il dan kesudahannya Ahmed Orabi telah dipecat dari jawatannya. Kejadian ini menyebabkan Orabi bertambah marah kepada kaum Sharkusi.

Walaupun ia telah membawa perkaranya kepada *khedive* Isma‘il, tetapi permohonannya itu tidak diendahkan selama tiga tahun, akhirnya dengan bantuan sahabat handai yang bertimbang rasa kepadanya ia telah diberi suatu jawatan awam dalam daerah al-Halimah dan dalam masa itu ia pun beristeri dan mendirikan rumah tangga. Oleh kerana isterinya menjadi saudara susuan kepada salah seorang keluarga diraja, ia telah diampuni oleh *khedive* Isma‘il lalu dibenarkan masuk semua dalam angkatan tentera dengan pangkat lamanya, tetapi tidak mendapat kaji selama dia diberhentikan dahulu. Ahmed Orabi makin bertambah benci

kepada pegawai-pegawai tentera dari orang-orang Turki dan Sharkusi yang dipandanginya menjadi penghalang bagi anak-anak Mesir daripada menyandang jawatan tinggi dalam tentera termasuk dirinya sendiri. Sembilan belas tahun lamanya ia telah dibiarkan berpangkat lantikan kolonel, iaitu pangkat yang telah didapatinya dalam zaman *khedive* Sa‘id dahulu. Sedang pegawai-pegawai rendah diberi orang-orang Sharkusi, yang jauh rendah pangkat mereka telah diberi pangkat-pangkat yang tinggi dan sebabnya tidak lain ialah kerana mereka daripada hamba-hamba raja (*mumalik*).

Semenjak itu mulai dia memberi semangat dan menggalakkan supaya pegawai-pegawai tentera dari kaum bangsanya bersatu padu menuntut hak dan menolak kezaliman yang ditimpakan atas mereka. Kepetahannya bercakap yang disulamnya dengan hadis-hadis Nabi dan kata-kata yang berhikmah, sangat berkesan kepada pegawai-pegawai tentera yang sebangsa dan senasib dengannya, dan telah menjadikan mereka menyahut seruannya dan mendengar nasihatnya serta berpuas hati dengan anjurannya.

Mahmud Fahmi Pasha salah seorang penganjur pemberontakkan, menceritakan perihal rakan seperjuangannya Ahmed Orabi, katanya: “Pada tahun 1875 Orabi telah masuk dalam pasukan tentera yang sedang berkawal di daerah Rashīd, dan semenjak itu mulailah ia menyatu padukan pegawai-pegawai tentera yang terdiri daripada anak-anak bangsanya, dan menyatu padukan mereka di bawah pimpinannya, serta menyatakan kesalnya yang mereka telah dihalangi dan disekat oleh pegawai-pegawai Turki dan Sharkusi yang telah dikaramkan dengan pangkat-pangkat yang tinggi”.

Apabila *khedive* Tawfiq menjadi *khedive* Mesir, Orabi telah dinaikkan ke pangkat kolonel pada bulan jun 1879 dan tinggallah ia mengetuai pasukan tentera yang keempat, bertempat Kaherah. Berkekalanlah Orabi dalam jawatannya itu sehingga berbangkit pemberontakkan pada tahun 1881

-sambungan pada muka 23-

Sebab pemberontakkan

Pemberontakkan Orabi disifatkan orang sebagai pemberontakkan tentera. Ini memang betul tiada syak lagi, apabila diperhati bahwapengajurannya dan orang-orang yang tampil mengatur dan menjalankannya ialah pegawai-pegawai tentera, dan pemberontakkan itu dilancarkan dan berjaya dalam suatu peringkat masa ialah dengan kekuatan tentera. Kemudian berakhir dengan kekalahannya.

Sebenarnya pemberontakkan itu bukan sahaja pemberontakkan tentera, bahkan pemberontakkan kebangsaan, kerana telah dicampuri oleh segala lapisan umat Mesir.

Jika dikaji sebab-sebab yang menyalakannya akan didapati terdiri daripada dua sebab yang besar. Pertama: sebab-sebab yang khas, yang berhubung dengan pegawai-pegawai tentera. Kedua: sebab-sebab yang am, yang berhubung dengan hal keadaan rakyat jelata.

Oleh kerana sebab-sebab yang khas itu lebih kuat kesannya pada zahirnya dan tingkatan perubahannya, biarlah dijelaskan lebih dahulu.

Sebab-sebab yang khas

Sebab-sebab ini berbalik kepada rasa tidak puas hati anak-anak Mesir yang menjadi pegawai tentera, kerana layanan buruk yang didapati dari ketua-ketua mereka terutama kepada sikap menteri perang yang tidak menimbang rasa.

Menteri perang yang tersebut seorang Sharkusi yang sangat taksub kepada bangsanya. Ia selalu sahaja memihak kepada pegawai-pegawai tentera yang berbangsa Turki atau Sharkusi atau pun Arnauti, dan berusaha meletakkan tampuk kekuasaan di tangan mereka, serta mengutamakan mereka dengan kenaikan pangkat dan jawatan tinggi daripada anak negeri (orang-orang Mesir) yang dipandangannya hina.

Pendeknya, pegawai-pegawai anak negeri pada amnya tidak mendapat hak persamaan dan tidak mendapat layanan yang baik. Kalau

khedive Isma'īl dan anakandanya *khedive* Tawfik menurut

jejak *khedive* Sa'īd dalam memberi galakkan kepada orang-orang Mesir serta menaikkan pangkat-pangkat mereka dalam jawatan-jawatan tentera nescaya dasar persamaan akan meliputi kesemua tentera, dan tidaklah orang-orang yang seperti menteri perang itu berpeluang membangkitkan kejadian yang buruk itu.

Memang *khedive* Isma'īl bersikap mengutamakan pegawai tentera Turki dan Sharkusi daripada orang-orang Mesir sendiri, sekalipun golongan yang diutamakan itu tidak cekap, jahil, dan tidak layak sebagaimana yang dapat dilihat kesannya di dalam kekalahan-kekalahan yang telah menimpa tentera pada tahun 1875-1876 dalam peperangan di negeri Habsyi. Walau pun kekalahan-kekalahn itu telah meninggalkan kesan-kesan yang buruk tetapi *khedive* Isma'īl tidak pula membicarakan panglima-panglima dan pegawai tentera yang telah mencuaikan tanggungjawab mereka. Bahkan tidak berapa antaranya panglima besar tentera itu telah mendapat kedudukan yang tinggi di sisi raja.

Dalam zaman *khedive* Isma'īl pegawai-pegawai tentera yang terdiri daripada orang-orang Turki dan Sharkusi telah menjadi "mua". Demikian pula kedudukan mereka di sisi *khedive* Taufik penggantinya. Kalau dasar sama rata sama rasa yang telah dijalankan oleh *khedive* Sa'īd di dalam tentera berkekalan sperti sedia kala pada zaman kedua-dua *khedive* itu tentulah tidak akan bangkit pemberontakkan Orabi, kerana dia dan rakan-rakan seperjuangan tidak bangun memberontak melainkan setelah melihat golongan Turki dan Sharkusi membolot segala-segalanya, sedang orang-orang Mesir sendiri ditindas dan dianiyai.

Daripada apa yang disebutkan itu jelaslah bahawa Orabi dan rakan-rakannya memang bijak dan benar peringkat yang pertama pemberontakkan itu, kerana tabiat manusia yang semula jadi sangat benci akan kezaliman dan ditindas. Tidak pula kezaliman yang yang digaduhkan oleh pegawai-pegawai Mesir

itu hanya tentang dihalangi daripada naik pangkat, bahkan mereka telah dijadikan matlamat bagi segala jenis kekejaman tiap-tiap seorang diantara mereka mudah sahaj ditimpakan dengan sebarang tuduhan- walaupun tidak betul -supaya mudah dihukum dan dilucutkan daripada jawatannya ataupun dibuang ke negeri ke hulu negeri Sudan. Sehingga terdedahlah hidupnya kepada nahaya dengan sebab yang sekecil-kecilnya.

Jelaslah pemberontakan yang dilancarkan oleh Ahmad Orabi ialah pemberontakan membela hak dan mebela diri. Tidak ada siapa-siapa akan menafikan tingkah laku kebanyakan ketua-ketua dari Sharkusi, Turki dan Arnauti yang kasar dan sombong, dan sentiasa menghina anak negeri. Sifat-sifat buruk yang demikian ini telah menjadi sifat sebatu mereka dan telah diketahui rata-rata bukan sahaja di Mesir bahkan di seluruh tanah jajahan 'Uthmaniyyah Turki. Orang-orang Arab pada zaman itu telah menderita. Kekejaman Turki dengan pahitnya menjadikan seluruh jajahan Turki kacau bilau dengan pemberontakan sehingga akhirnya perang dunia yang pertama.

Terlanjur kita sedang membentangkan sebab-sebab utama yang telah menyalakan pemberontakan itu maka tidak syak lagi bahawa kezahiran Ahmed Orabi adalah menjadi sebab yang terutamanya sekali dialah yang telah meniupkan semangat bersatu padu kepada pegawai-pegawai tentera dari anak-anak Mesir supaya mereka tampil kehadapan menuntut hak mereka yang halal. Dialah orangnya yang telah mengelolai gerakan itu dan tampil menuntutnya dengan berterus terang kepada pihak berkuasa. Tuntutan-tuntutan itu ialah permulaan pemberontakan dan keberanian yang tersebut sangat besar kesannya kepada kebangkitan pemberontakan itu. Jika tidak Orabi tampil kehadapan menganjurkannya, dan tidak pula dia dia mempunyai sahsiah yang menarik kepadanya barisan pegawai-pegawai tentera dan usahnya meniupkan kepada mereka semangat bersatu padu adalah dijangkakan tidak akan timbul pemberontakan itu, atau pun akan



Sa'ad Zaghlul Bashā

Penganjur Mesir yang kenamaan yang telah memimpin bangsanya ke arah kemerdekaan . Ia pernah pernah dibunag negeri ke Pulau Seychelles, tetapi kemudian telah dibebaskan lalu menjadi perdana menteri. Pada tahun 1927 Sa'ad Zaghlul meninggal dunia setelah tersurat sejarahnya yang cemerlang.

*

timbul pada zaman yang lain, dan dalam keadaan yang lain daripada apa yang telah berlaku itu.

Ini ialah sebab-sebab yang khas dalam pada itu ada pula sebab-sebab yang am meliputi segenap lapisan rakyat. Diantaranya ada yang mengenai siyasah ada yang mengenai iktisad dan ada pula yang berhubung dengan masyarakat. Huraianya yang lanjut akan dibentangkan dalam "Qalam" berturut-turut.

Bersambung.